

10 NOV 1999

Mahathir-Komanwel

MAHATHIR GESA KOMANWEL TERIMAPAKAI SATU SUARA MENGENAI GLOBALISASI

Oleh: Tham Choy Lin

JOHANNESBURG, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Komanwel, pertubuhan yang dianggotai 54 buah negara yang kebanyakannya negara membangun, menterjemahkan semula dan menerima pakai satu suara mengenai globalisasi di Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO).

Sambil menegaskan bahawa perdagangan bebas sepatutnya mewujudkan kekayaan dan bukan sebaliknya, Dr Mahathir berkata negara-negara Komanwel boleh menggunakan pengalaman mereka untuk memperbaiki idea mengenai globalisasi dengan mengurangkan penganiayaan serta merealisasikan kebaikan yang dijanjikan.

"Jika globalisasi baik untuk dunia, setiap orang patut mendapat manfaat daripadanya. Yang jelas ia bukan sahaja tidak memberi manfaat kepada setiap orang malah menyeksa ramai orang. Kita perlu memikirkan kembali globalisasi dan menterjemahkannya semula," katanya pada ucapan dasar pada jamuan malam Forum Perniagaan Komanwel di sini pada Rabu.

Dr Mahathir juga berkata Komanwel mesti bersedia mencabar kewajaran konvensional jika ia mahu melihat aliran perdagangan dan pelaburan membawa kemakmuran dalam dunia globalisasi dan mula merangka peraturan dan kawalan bagi aliran modal supaya wujud kestabilan ekonomi.

Ucapan Dr Mahathir yang bertajuk "Menjadikan Globalisasi Berjaya: Langkah bagi Menggalakkan Aliran Perdagangan dan Pelaburan Komanwel" dibacakan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir tidak dapat menghadiri forum perniagaan tiga hari itu serta Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban kerana pilihan raya umum akan diadakan di Malaysia.

Pemimpin Malaysia itu, yang sekian lama memberi amaran bahawa aliran modal yang tidak dikawal adalah antara penyebab krisis kewangan Asia, berkata sebagai sebuah perkumpulan negara kaya dan miskin yang dikaitkan dengan pertalian sejarah, bahasa, sistem kerajaan dan undang-undang yang sama, Komanwel boleh menggunakan pengaruhnya secara meluas.

"Kita perlu memastikan negara anggota dan negara lain tidak terjejas kerana suara individu tidak memberi signifikan terutama kepada WTO. Kita perlu mencapai persetujuan mengenai globalisasi dan kita perlu menyatakan pendirian dalam satu nada.

"Negara kaya tidak akan mengalami kerugian sekiranya negara miskin diberi peluang. Sesungguhnya dalam jangka panjang, ia akan turut memberi manfaat kepada rakan lebih besar kerana kemakmuran yang dicapai oleh rakan yang lemah akan menjadikan pasaran lebih berdaya maju, pasaran yang mapan bagi yang kaya," katanya.

Beliau juga menggesa negara kaya membayar harga yang lebih tinggi bagi komoditi yang diimport dari negara miskin dan tidak membiarkan kuasa pasaran menentukannya.

Dr Mahathir berkata sepanjang beberapa dekad yang lalu, komoditi yang dihasilkan oleh negara miskin mencatatkan peningkatan harga yang lebih perlahan berbanding barangan yang dikilang yang mereka import dari negara kaya, selalunya disebabkan peningkatan kos yang disengajakan serta kadar upah dan perkhidmatan yang tinggi di negara maju.

"Memandangkan kos bahan mentah kebiasaannya hanya menyumbang sebahagian kecil daripada kos keseluruhan, tidak bolehkah negara kaya membayar lebih bagi bahan mentah yang diimport?" katanya.

Hasil keputusan forum perniagaan itu yang dihadiri lebih 450 pemimpin

perniagaan dari negara Komanwel akan dikemukakan kepada pemimpin Komanwel untuk pertimbangan pada Sidang Kemuncak mereka di Durban.

-- BERNAMA

TCL LAT